

**Impak Modenisasi dan Pengkomersilan Terhadap Keaslian Makanan Tradisi dan
Identiti Budaya Etnik Kadazan- Dusun di Sabah**

ABSTRACT

Modenisasi memainkan peranan besar terhadap perubahan identiti budaya sesebuah etnik termasuklah aspek makanan tradisi. Matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji kesan modenisasi dan pengkomersilan terhadap keaslian makanan tradisi serta pelestarian identiti budaya dan mengenalpasti tahap serta kaedah pengkomersilan makanan berkenaan. Kajian ini memfokuskan kepada makanan tradisi etnik Kadazan-Dusun di Sabah khususnya tuhau dan bambangan. Kajian lapangan yang menggunakan teknik pengamatan turut serta, temu bual dan tinjauan soal selidik dilaksanakan di beberapa lokasi petempatan etnik Kadazan-Dusun termasuklah kawasan Pantai Barat Selatan (Kota Kinabalu, Penampang, Tuaran, Tamparuli, Ranau dan Kundasang), Pantai Barat Utara (Kudat, Sikuati dan Kota Marudu) dan Pedalaman atas (Tenom, Keningau, Tambunan, Nabawan dan Sook). Dapatan kajian mendapati bahawa pengkomersilan dan modenisasi mempengaruhi keaslian makanan tradisi etnik Kadazan-Dusun khususnya tuhau dan bambangan tetapi tidak melenyapkan identiti budaya etnik berkenaan kerana penyediaan secara tradisi masih turut dipasarkan dan mendapat sambutan dalam kalangan penduduk. Sementelah itu, lokasi petempatan mempengaruhi keaslian dan improvisasi serta tahap dan kaedah pengkomersilan makanan tradisi berkenaan. Antara faktor-faktor yang menyumbang terhadap senario tersebut adalah kebolehcapaian atau ketembusaan media, tarikan pelancong dan keberadaan hubungan antara budaya dalam kalangan etnik. Kajian ini diharap menyumbang terhadap pelestarian identiti budaya dan pada masa yang sama meningkatkan pengkomersilan makanan tradisi etnik khususnya dalam kalangan etnik Kadazan-Dusun di Sabah.